

30 MAY 2003

Fong-Siswazah

10,000 LAGI SISWAZAH MENGANGGUR AKAN DILATIH KUASAI ICT

KOTA BAHARU, 30 Mei (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan melatih 10,000 lagi siswazah menganggur dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta bahasa Inggeris pada tahun ini.

Menterinya Datuk Dr Fong Chan Onn berkata kerajaan melalui Pakej Ekonomi yang diumumkan baru-baru ini telah memperuntukan RM100 juta untuk memberi latihan kepada siswazah terbabit di bawah Skim Latihan Semula Siswazah Menganggur.

"Berdasarkan maklumat balas daripada majikan mereka berpendapat siswazah dari universiti tempatan tidak fasih berbahasa Inggeris dan tidak mempunyai pengalaman yang cukup dalam bidang ICT," katanya kepada pemberita semasa ditemui pada mesyuarat MCA Kelantan di sini, malam tadi.

Dr Fong yang juga Naib Presiden MCA dan Pengerusi MCA Kelantan, berkata pada tahun lepas sebanyak 8,000 siswazah menganggur dilatih semula di bawah skim berkenaan.

Katanya latihan berkenaan akan dilaksanakan segera selepas kementerian itu mengenal pasti pengendali termasuk kolej yang layak termasuk peralatan mengajar yang mencukupi.

Kementerian itu juga akan mengagihkan peruntukan RM5 juta di bawah Tabung Kemahiran sebagai pinjaman kepada 50,000 pelajar lepasan sekolah menengah di seluruh negara bagi mereka mendapatkan kemahiran teknik dan vokasional, katanya.

Dr Fong juga berkata adalah lebih baik sekiranya syarikat swasta yang kebiasaannya memberi bonus kepada pekerjanya pada hujung tahun dapat memberi sebahagian bonus itu pada pertengahan tahun.

Beliau berkata dengan cara itu pekerja dapat berbelanja sekaligus membantu menjana ekonomi negara.

Pada 22 Mei lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Pakej Ekonomi mengumumkan kakitangan awam menerima bonus setengah bulan gaji yang akan dibayar bulan depan.

-- BERNAMA

BD RHM